

# UMS beri geran keusahawanan RM20,000

NSR 29.3.2018 7

KOTA KINABALU: Sejumlah RM20,000 Geran Keusahawanan diperuntukkan Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi membantu aktiviti keusahawanan di peringkat fakulti.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof. Dr Ismail Ali berkata, geran tersebut bertujuan untuk menyuntik budaya keusahawanan berdasarkan bidang dan kepakaran yang ada di fakulti masing-masing.

"Sebagai contoh kepakaran yang boleh memberi pulangan di Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) adalah dari segi perkhidmatan produksi media seperti percetakan, rekabentuk grafik, produksi filem, penghasilan video, fotografi, busana, lukisan, seramik dan arca," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pelancaran dan Penyampaian Geran Keusahawanan kepada 10 Fakulti di UMS di Bilik

Mesyuarat Lembaga Eksekutif, Bangunan Canselori disini, hari ini (28 Mac 2018).

Menurut Prof. Dr Ismail, daripada jumlah geran yang diperuntukkan itu, setiap fakulti menerima bahagian sama rata iaitu masing-masing mendapat RM2,000.

"Justeru, saya berharap para dekan dapat memantau dan mengambil penekanan serius bagi memastikan aktiviti keusahawanan di fakulti masing-masing berjalan lancar," tegasnya.

Penyampaian geran kepada wakil setiap fakulti disempurnakan Timbalan Naib Canselor 2(Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Rasid Mail.

Untuk rekod, penyaluran Geran Keusahawanan itu merupakan inisiatif Jabatan Hal Ehwal Pelajar melalui Bahagian Latihan dan Pembangunan Keusahawanan (BLPK) UMS.

- Bernama